

Rumah terbuka sinonim Syawal

Majlis satu kemestian tak patut bezakan tetamu



Beri layanan mesra kepada tetamu yang berkunjung ke rumah.

harus menghadiri majlis diadakan tanpa membezakan sama ada jemputan itu datang dari orang yang kaya atau miskin. Dengan memahami tujuan jemputan untuk memanjangkan silaturahmi, tidak sepatutnya tetamu memilih undangan.

Bahkan untuk menyenangkan hati tuan rumah juga, tetamu tidak boleh sesekali menguzurkan diri disebabkan berpuasa kerana menghadiri majlis

rumah terbuka bukanlah semata-mata untuk menikmati juadah.

Jika berpuasa sunat, kita dibolehkan berbuka dan tetap mendapat pahala sekiranya niat berbuka puasa untuk menggemirakan tuan rumah yang bersusah payah menyediakan hidangan.

Tidak berpuasa

Sebaik-baiknya ialah merancang untuk tidak berpuasa jika menerima jemputan, melainkan puasa qada yang tidak boleh dilakukan pada hari lain lagi.

Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia memuliakan tetamunya." (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Sebaliknya, jika rumah terbuka diadakan di tempat yang menyediakan makanan tidak halal atau terdapat kemungkinan mengundang maksiat dan kejahatan, tidak menjadi kesalahan kita tidak memenuhi jemputan.

Itu adalah lebih baik demi menjaga thiqah sebagai seorang Muslim yang hidup berlandaskan hukum dan syariat.



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia

tetangga dan sahabat taulan untuk menyambung silaturahmi.

Nabi Muhammad SAW bersabda: "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka sambunglah hubungan silaturahmi." (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Rumah terbuka banyak dianjurkan hingga ada kala lebih lima jemputan kenduri harus dihadiri dalam sehari. Melainkan ada halangan besar, undangan sudah tentu tidak akan diampakan walaupun penat tidak berkata.

Makan dan minum hanyalah sampingan sebaliknya yang paling bermakna ialah menggemirakan tuan rumah dengan kehadiran tetamu yang memeriahkan majlis mereka.

Hari ini, ada rumah terbuka dianjurkan dengan menjemput orang kaya saja. Majlis pula diadakan di hotel mewah yang menghidangkan juadah mahal dan eksklusif. Ia sudah tentu tidak menjadi masalah kepada yang berkemam-

puan, kerana belanja yang besar tidak menyukarkan mereka.

Namun, Islam menegaskan tidak wajar membezakan antara tetamu kaya dengan miskin, sehingga mereka diundang ke majlis berbeza, bahkan diberi layanan berkasta juga.

Rasulullah SAW bersabda: "Seburuk-buruk makanan ialah makanan walimah yang dijemput orang kaya saja dan ditinggalkan orang miskin." (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Ada juga jemputan hanya dilakukan dengan mengirim khidmat pesanan ringkas ataupun mesej pendek melalui laman sosial ditujukan secara umum. Mala, orang yang menerima jemputan pula langsung tidak mengenali pihak menjemput.

Santunnya tentunya berlainan jika tuan rumah menjemput setiap tetamu secara lebih terhormat, berbahasa dan menjemput orang yang dikenalnya saja.

Tetamu yang menerima undangan pula

HADIS

"Barang siapa beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia memuliakan tetamunya"

Riwayat Imam Al-Bukhari

Rumah terbuka bukan saja diadakan untuk menjemput tetamu bertandang ke rumah menikmati juadah hari raya semata-mata, tetapi juga bagi memanjangkan silaturahmi sesama kerabat dan sahabat.

Menjemput mereka ke rumah atau majlis yang diadakan tidak bermakna kita tidak akan meraikan mereka pada hari atau masa lain. Ironinya, hari ini, rumah terbuka sudah menjadi satu kemestian, terutama kepada mereka yang tinggal di bandar yang pulang beraya di kampung.

Oleh kerana mereka tiada di rumah pada minggu pertama hari raya, maka mereka akan menjemput tetamu bertandang pada masa lain.

Mengadakan rumah terbuka adalah antara amalan sinonim dengan Syawal. Ia amat bererti demi silaturahmi serta hubungan baik sesama manusia, bertanya khabar dan mengambil berat antara satu sama lain.

Amalan berziarah ke rumah saudara dan sahabat handai adalah sebahagian daripada usaha mengeratkan tali persaudaraan dan persahabatan sedia terjalin. Tetapi ada yang segan silu mengunjungi rumah sahabat handai, melainkan dijemput sewaktu mengadakan rumah terbuka.

Sunnah Rasulullah

Menjemput tetamu ke majlis yang diadakan adalah sunnah Rasulullah SAW, begitu juga menerima undangan. Malah, sahabat digalakkan mengadakan kenduri dengan menjemput saudara mara, jiran